

SULIT
1103/2 (PP)
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Peraturan
Pemarkahan
November 2004

1103/2 (PP)

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004
TINGKATAN EMPAT

BAHASA MELAYU
Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Kertas jawapan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 11 halaman tidak bercetak

1103/2 (PP)

© 2004 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

[Lihat sebelah
SULIT

Kertas 2

Markah penuh Kertas 2 ialah 100 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan gelaran

(ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	16	
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

(v) Jawapan dalam bentuk poin, beri markah isi. Tolak 50 % markah bahasa daripada markah sepatutnya.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Hurulan Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca / ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 5	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan.

Nota:

- (i) Jika bahasa agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kuarang memuaskan, tolak 1 markah
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang 120 perkataan, markah tidak dipotong.

Skema jawapan:

Soalan 1 : [30 markah]

Pendahuluan:

1. Petikan membincangkan kesan-kesan kemasukan pendatang asing dan langkah-langkah menanganinya. 2M
2. Petikan membincangkan masalah-masalah kemasukan pendatang asing yang berleluasa dan pendekatan untuk menanganinya. 2M

Isi tersurat: (kesan –kesan kemasukan pendatang asing)

1. meningkatkan kes-kes jenayah yang semakin rumit 2M
2. terlibat dalam kes kongsi gelap dengan rakyat tempatan 2M
3. sanggup menjadi pembunuh upahan dengan bayaran yang murah 2M
4. ekonomi jatuh kerana penyaluran keluar wang tanpa cukai 2M
5. perkahwinan yang dirancang dengan warga tempatan untuk mendapat status penduduk tetap 2M
6. politik – suasana tidak aman dalam negara 2M
7. projek perumahan berkembang dengan pesat 2M
8. pertumbuhan kedai-kedai makan semakin rancak 2M

Isi tersirat: (Faktor-faktor kedatangan mereka)

1. mencari kerja kerana kesukaran mencari kerja di tempat sendiri 2M
2. terpengaruh oleh pujukan rakan sebaya yang mengatakan Malaysia menyediakan peluang pekerjaan bergaji lumayan. 2M
3. ingin mencari pengalaman kerana mengangap Malaysia destinasi pelancongan yang menarik 2M
4. mahu mendapatkan wang untuk membantu keluarga 2M

Penutup:

Pihak kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih efektif membendung kemasukan pendatang asing supaya keselamatan negara lebih terjamin. 2M

Soalan 2

Markah penuh 35 dibahagi kepada:

Soalan 2 (a)	-	9 markah
Soalan 2 (b)	-	9 markah
Soalan 2 (c)	-	8 markah
Soalan 2 (d)	-	9 markah

Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna/lengkap.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu tepat / betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
4. Kesalahan bahasa dan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah daripada markah keseluruhan yang diperoleh daripada setiap soalan.
5. Jawapan bagi soalan 2 (b), 2 (c), dan 2 (d) mestilah berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu yang ditetapkan.
6. Jawapan dalam bentuk 'point' tolak $\frac{1}{2}$ markah daripada markah keseluruhan yang diperoleh daripada setiap soalan.

Skema Soalan 2(a)

- | | | |
|------|---|----|
| (i) | dokumen kebenaran masuk sudah tamat | 2M |
| (ii) | -Penampilan diri mereka yang berbeza dengan penduduk tempatan | 1M |
| | -tutur kata tidak sama dengan orang Melayu | 1M |
| | -mereka tinggal di kawasan penempatan baru | 1M |

[Maksimum : 3 markah]

- | | | |
|-------|--|----|
| (iii) | <i>Wajar:</i> | |
| | -Rakyat tempatan mampu melakukan kerja-kerja yang dilakukan oleh pendatang asing | 1M |
| | -jumlah pengangguran meningkat dengan kehadiran pendatang asing | 1M |
| | -budaya mereka akan mempengaruhi budaya masyarakat tempatan | 1M |
| | -kadar jenayah dapat dikurangkan | 1M |

Tidak wajar:

- | | | |
|--|---|----|
| | -Menampung kekurangan tenaga buruh dalam sesuatu bidang pekerjaan | 1M |
| | -Kepakaran pendatang tidak dimiliki oleh masyarakat tempatan | 1M |
| | -Merangsang pertumbuhan ekonomi negara | 1M |
| | -Menggalkan pertumbuhan industri pelancongan negara | 1M |

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2 (b) : Petikan Prosa Moden

- (i) Pandangan Safiah terhadap kerjaya guru ialah:
- Kerjaya guru sangat mudah dan rendah tarafnya 1M
 - Bagi Safiah orang yang tidak berkelulusan universiti dan tidak tahu berbahasa Inggeris pun boleh menjadi guru 1M

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Alasan :
- Memaklumkan bahawa menetap di luar negeri memerlukan perbelanjaan yang banyak 1M
 - Menjelaskan kemungkinan tidak dapat menyesuaikan diri dengan kebudayaan masyarakat di luar negeri 1M
 - Terpaksa berjauhan dengan ibu bapa dan orang yang disayangi 1M

[Maksimum : 3 markah]

- (iii) Keistimewaan watak Umar :
- * Berdasarkan petikan;
- Seorang yang berjiwa patriotik 1M
 - Beliau memilih kerjaya guru dan mahu mendidik anak bangsa sekali gus dapat menampung kekurangan guru 1M
- * Berdasarkan drama;
- Seorang yang tegas dan tetap pendirian 1M
 - Merupakan anak kampung yang mampu lulus pengajiannya di peringkat universiti 1M

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Klasik**Markah**

- (i) Maksud rangkai kata :
- benar-benar bertekad/berusaha sepenuh tenaga 2M

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Sebab-sebabnya :
- Hang Tuah mentaati perintah sultan supaya membunuh Hang Jebat 1M
 - Hang Jebat dianggap telah derhaka kepada sultan / Hukuman kepada penderhaka adalah dibunuh 1M
 - Hang Jebat telah ramai membunuh mereka yang tidak berdosa 1M
 - Hang Jebat mengamok dan berfoya-foya di istana raja 1M
- (Pilih mana-mana 3 jawapan)
- [Maksimum : 3 markah]
- (iii) Cara-caranya :
- Menghentikan pergaduhan 1M
 - Berunding untuk mencari jalan penyelesaian secara muafakat 1M
 - Menghadap sultan menceritakan keadaan sebenarnya 1M
 - Menjelaskan kepada sultan sebab-sebab Hang Jebat menderhaka 1M
 - Menyatakan kebaikan seandainya Hang Jebat tidak dibunuh 1M
- (Pilih mana-mana 3 jawapan)
- [Maksimum : 3 markah]

Soalan 2 (d) : Petikan Puisi

Markah

- (i) Maksud :
- Menjangkakan bahawa sesuatu yang diharapkan akan terus berpanjangan namun hasratnya itu tidak kesampaian 2M
- [Maksimum : 2 markah]
- (ii) Pendapat :
- Kurangnya didikan agama 1M
 - Tiada tempat untuk mencurahkan/berkongsi masalah 1M
 - Tidak tahu bagaimana untuk menyelesaikan masalah mereka 1M
- [Maksimum : 3 markah]
- (iii) Pengajaran :
- Kita janganlah terlalu mengikut perasaan hati yang terlalu kecewa 1M
 - Kita hendaklah menjaga hati dan perasaan orang lain 1M
 - Janganlah kita leka menikmati kebahagiaan hidup kerana kebahagiaan mungkin berakhir tanpa diduga 1M
 - Janganlah kita mengharapkan nasib yang baik sepanjang masa 1M
- (Pilih mana-mana 4 jawapan)
- [Maksimum : 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a)	:	6 markah
Soalan 3(b)	:	6 markah
Soalan 3(c)	:	6 markah
Soalan 3(d)	:	6 markah
Soalan 3(e)	:	6 markah

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Beri 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / isi yang tidak begitu jelas bagi keseluruhan markah jawapan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah
7. Jika semua perkataan dipakai dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Sengaja meninggalkan / menambah imbuhan berikan 0 markah
9. Jika bina 2 ayat dengan 1 perkataan, tolak $\frac{1}{2}$ markah
10. Jika ayat tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah

- 3(a)
- | | | |
|-------|--------------------------|---|
| (i) | kaunselor
kaunseling | - pembimbing atau penasihat kepada orang yang menghadapi masalah
- proses perbincangan yang diadakan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi seseorang |
| (ii) | pelapor
pelaporan | - orang yang melaporkan sesuatu
- perihal (tindakan) melaporkan (mengadukan, memberitahukan) |
| (iii) | penyampai
penyampaian | - orang yang menyampaikan (sesuatu)
- perihal menyampaikan sesuatu |

[6 markah]

- 3(b)
- (i) Dua orang penunggang motosikal mati terhempap sebatang pokok yang tumbang dalam kejadian hujan ribut semalam.
 - (ii) Mereka dikatakan sedang berteduh di bawah pokok besar tersebut apabila hujan tiba-tiba turun diikuti angin kencang.
 - (iii) Jenazah Allahyarham Ahmad Salabi akan dikebumikan di tanah perkuburan Islam Bukit Kecil manakala Allahyarham Ahmad Soleh pula akan dikebumikan di Bukit Besar.

- 3(c)
- | | | | |
|-------|--------------|---|--------------|
| (i) | luas | - | meluas |
| | pelusuk | - | pelosok |
| (ii) | kadang kala- | | kadangkala |
| | nama | - | bernama |
| (iii) | prodak | - | produk |
| | menggalak- | | menggalakkan |

[6 markah]

- 3(d)
- | | | | |
|-------|----------------|---|----------------|
| (i) | mini telekung | - | telekung mini |
| | daripada | - | dari |
| (ii) | berusaha rajin | - | rajin berusaha |
| | adalah | - | ialah |
| (iii) | oleh kerana | - | oleh sebab |
| | termasuk | - | terbabas |

[6 markah]

- 3(e)
- i. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.
 - ii. Bagai kucing dibawakan lidi
 - iii. Bagai kucing kehilangan anak
 - iv. Nyawa di hujung tanduk

[Catatan: Terima mana-mana tiga (3) peribahasa yang sesuai tetapi berlainan maksud]

[6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Perhatian bagi soalan 4

1. Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari
2. Jawapan bagi (a) dan (b) mestilah berdasarkan satu novel sahaja
3. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna / lengkap

Perhatian bagi (a)

- I. Jawapan tepat berdasarkan teks yang dipelajari
- II. Pernyataan peristiwa yang menimbulkan saspens mestilah benar berdasarkan novel yang dikaji
- III. Berikan 2 markah bagi setiap pernyataan peristiwa yang menimbulkan saspens
- IV. 3 peristiwa yang menimbulkan saspens = 5 markah
- V. Markah bahasa = 2 markah (secara 'impression')
- VI. Markah maksimum 7 markah

Perhatian bagi (b)

- I. Berikan 1 markah bagi setiap pernyataan
- II. Berikan 1 markah bagi huraian atau contoh
- III. Huraian atau contoh tanpa pernyataan, berikan 0 markah
- IV. Perlu 3 isi = 6 markah
- V. Markah bahasa = 2 markah
- VI. Markah maksimum 8 markah

Novel Terminal Tiga**(a) Teknik Saspens**

1. Terdapat unsur saspens, iaitu pembaca tertanya-tanya mengapa ayah Rimpa lebih sepuluh tahun meninggalkan keluarganya tanpa sebarang berita.
2. Berita kehilangan Ruzaini menerusi dialog antara Rimpa dengan ibunya, iaitu pembaca tertanya-tanya ke mana perginya Ruzaini dan mengapa dia lari meninggalkan keluarganya sedangkan sebelum ini beliau dikenali sebagai seorang gadis yang baik.
3. Pembaca juga didesak perasaan ingin tahu apakah yang terjadi seterusnya ketika pesawat yang dinaiki Rimpa mendarat dalam keadaan yang mencemaskan.

4. Peristiwa kehadiran secara tiba-tiba Ruzaini di Akademi Seni Kebangsaan, iaitu tempat Rimpa belajar menimbulkan persoalan kepada pembaca.
5. Apabila Rimpa terkandas di lapangan terbang, pembaca tertanya-tanya sampai bilakah dia akan terus terkandas di situ.
6. Pada suatu ketika, sewaktu balik ke Kota Kinabalu, Rimpa telah berusaha memohon bantuan kewangan. Peristiwa ini menimbulkan tanda tanya kepada pembaca sama ada Rimpa berjaya atau sebaliknya memperoleh pinjaman yang sangat diperlukan tersebut.

Novel Terminal Tiga

(b) Pengajaran

1. Kita harus berusaha menuntut ilmu pengetahuan untuk memajukan diri, contohnya Rimpa yang berada jauh di pedalaman Sabah gigih menuntut ilmu sehingga ke Kuala Lumpur untuk memperbaiki keadaan diri dan keluarganya.
2. Kita mestilah menghargai kebaikan dan jasa orang kepada kita, misalnya Rimpa sering mengingati keluarga Bang Maily dan menziarahinya apabila dia pulang ke Sabah sebagai tanda penghargaan atas sumbangan yang telah diberikan kepadanya.
3. Orang yang pernah melakukan kesilapan hendaklah menginsafi kesilapannya itu. Hal ini dibuktikan dengan Rimpa menganggap perbuatannya menyahut cabaran Ramon supaya meminum minuman yang memabukkan itu suatu kesilapan lalu menjauhi perbuatan tersebut.
4. Kita hendaklah bersahabat dengan semua orang tanpa mengira perbezaan latar budaya dan agama. Sebagai contohnya, Rimpa, Azlina, dan Jasmin yang datang dari tempat yang berbeza telah menjadi sahabat yang baik ketika menuntut di Akademi Seni Kebangsaan.
5. Kita mestilah menyayangi kedua-dua ibu bapa, misalnya Rimpa sangat menyayangi ibu dan bapanya walaupun mereka berjauhan.
6. Kita hendaklah menjaga percakapan kita supaya tidak menyinggung perasaan orang lain. Misalnya, perbuatan Ramon yang sewenang-wenang menuduh Rimpa sebagai pengampu Bang Maily perlu dijaui.
7. Kita jangan mudah berprasangka negatif kepada seseorang. Sebagai contohnya Ruzaini yang agak kecewa kerana Rimpa meninggalkan kampung telah menuduh Rimpa melupakan kaum keluarganya di samping tidak suka akan kampung halamannya.

Skema Pemarkahan Tamat